

13/01/2002

Scada tingkatkan kualiti bekalan elektrik

MUADZAM SHAH: Sistem Kawalan dan Pengumpulan Data (Scada) yang dilaksanakan Tenaga Nasional Berhad (TNB) bermula tahun ini, dapat meningkatkan kualiti bekalan elektrik di seluruh negara, kata Pengerusi TNB, Datuk Dr Jamaluddin Jarjis.

Menurutnya, sistem Scada membabitkan pelaburan RM500 juta itu mampu mengesan gangguan bekalan tenaga di sesuatu kawasan dengan pantas hanya menerusi komputer.

"Kerosakan diatasi segera dengan mengalirkan bekalan kepada kabel sokongan bawah tanah sedia ada.

"Berdasarkan kaedah sekarang, gangguan bekalan elektrik dikesan dan dibaiki menerusi sistem manual iaitu pemandu van TNB mencari kerosakan di kawasan terbabit dan kemudian memaklukkannya kepada pejabat TNB untuk pembaikan.

"Proses itu mengambil masa lama sekurang-kurangnya empat jam sebelum bekalan dipulihkan seperti sedia ada," katanya selepas menghadiri majlis sambutan Aidilfitri anjuran Teras Dara Konsortium (TDK), di sini semalam.

Perubahan yang dilakukan TNB itu selaras dengan saranan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya Malaysia yang kini menuju negara maju, memiliki sumber tenaga berkesan.

Beliau berkata, pemasangan sistem Scada akan dilakukan di Kuala Lumpur dulu, diikuti kawasan Utara, Selatan dan Timur pada hujung tahun ini.

Katanya, pelaksanaan sistem Scada di seluruh negara akan disiapkan dalam tempoh lima tahun.

TNB dalam proses meningkatkan perkhidmatan bekalan tenaga kepada pengguna bukan saja di sektor industri, tetapi juga pengguna domestik.

(END)